

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 4 (59)

14 September 2017
23 Zulhijjah 1438

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 26/2017

HEBAHAN DAN JEMPUTAN MENGHADIRI SYARAHAN PERDANA YBHG. TAN SRI DR. TONY FERNANDES, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN AIRASIA

Dimaklumkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia akan menganjurkan program syarahan Perdana bertajuk "*Dare to Dream*" yang akan disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Tony Fernandes, Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan AirAsia.

2. Sehubungan dengan itu, program ini akan diadakan sepertimana butiran berikut :

Tarikh : **18 September 2017 (Isnin)**
Masa : **12.00 Tengahari**
Tempat : **Dewan Sultan Iskandar UTM Johor Bahru dan
Dewan Azman Hashim UTM Kuala Lumpur
(secara Video Conferencing)**

3. Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor dan Canselor UTM juga telah berkenan berangkat mencemar duli untuk menghadiri program ini. Justeru itu, pihak Pengurusan Universiti dengan penuh takzimnya menggalakkan semua staf dan pelajar Universiti untuk menghadiri dan menjayakan program syarahan perdana ini. Kehadiran staf akan direkodkan sebagai mata CPD.


4. Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Bahagian adalah dimohon untuk memanjangkan hebahan ini kepada semua staf akademik, staf pengurusan dan profesional, staf pelaksana serta pelajar bagi bersama-sama menjayakan program syarahan perdana ini.

5. Maklumat lanjut mengenai program ini boleh diperolehi melalui urus setia program iaitu Pejabat Hal Ehwal Korporat di talian 07-5530909.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(DATU' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah